

## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	30/9/2019	MUKA SURAT	: 63
JABATAN	:	SPAN		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

# Sisa pelarut cemar LRA Sungai Semenyih

Kehadiran tak dapat dirawat loji kumbahan menyebabkan bau dikesan dalam sungai

Oleh Ruwaida Md Zain  
bhnnews@bh.com.my



BH TV

Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna, Hee Loy Sian, berkata siasatan terperinci Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Alam Sekitar Selangor (JAS) ke kawasan sistem jaringan pembetung awam di Bandar Bukit Mahkota memenui satu lubang pembetulan yang berbau pelarut di sekitar kawasan perumahan Bandar Bukit Mahkota.

Beliau berkata, ia berkemungkinan menjadi lokasi utama ke-masukan pelarut sebelum ke loji Indah Watar Consortium Sdn Bhd (IWK).

Beliau berkata, siasatan itu dibuat susulan laporan yang diterima oleh LUAS dari Pengurusan Air Selangor' mengenai kehadiran bau seakan pelarut dikesan pada jam 2.31 petang kelmarin pada jarak 1.5 kilometer dari muka sauk LRA Sungai Semenyih.

"Siasatan diteruskan bersama Air Selangor berhamiran Bangi Villa dan punca bau didapati bermula dari Sungai Beranang dengan bacaan sampel bau di kawasan terabit men-



**Hee Loy Sian**

capai sehingga lima ton.

"Bacaan sampel bau di kawasan alur bersebelahan kawasan perumahan Bukit Mahkota pula adalah tiga ton.

"Bau sama turut dikesan di loji rawatan kumbahan IWK Bandar Bukit Mahkota dan siasatan lanjut mendapati bau pelarut yang kuat berpunca dari pelepasan effluen loji IWK ini," katanya dalam kenyataan media semalam.

Loy Sian berkata, berikutan kejadian itu, LRA Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas bermula jam 5 petang kelmarin dan LUAS menjalankan pensampelan 'insti-tu' dan 'eksitu' di takat pelepasan akhir loji IWK terabit.

"Bagaimanapun, *pendasaran activated carbon* sebanyak 575 kg (23 bag) sekitar jam 3 pagi murrunkan kadar bau kepada 1 ton di kawasan tangki 'aerator' dan juga di pelepasan effluen loji," katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Air Selangor, Abdul Raof Ahmad, berkata Loji Rawatan Air Sungai Semenyih kembali beroperasi sepenuhnya pada jam 6.30 pagi semalam.

Abdul Raof berkata ketika ini proses bagi meningkatkan paras Kolam Imbangan dan penyuluran ke sistem agihan dan kolam perkhidmatan di kawasan bekalan sedang berjalan sebelum bekalan dapat disalurkan untuk proses pemuliharaan berperingkat.

Katanya, sepanjang LRA itu dihenti tugas kira-kira 13 jam 30 minit, berlaku pengurangan pengeluaran harian air terawat sejumlah 357 juta liter.

"Bantuan lori tangki air digerakkan dan 10 Pusat Khidmat Setempat (PKS) akan diaktifkan bermula jam 8 pagi ini (semalam) bagi menyalurkan bantuan ke-pada pelanggan yang terjejas hingga bekalan pulih sepenuhnya," katanya.

